



Sistem Pendidikan dan Pemartabatan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan di Malaysia

SITI NOR AZHANI MOHD TOHAR, SITI NOR BAYA MAT YACOB

Pusat Pengajian Teras, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia

ABSTRAK

Pemartabatan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dalam sistem pendidikan di Malaysia masih dilihat agak ampuh walaupun dasar bahasa kebangsaan ini telah wujud dan diperjuangkan seawal kemerdekaan dalam usaha menyatupadukan kepelbagaian kaum. Justeru, makalah ini akan menelusuri sejarah perkembangan bahasa Melayu dalam sistem pendidikan sebelum dan selepas merdeka. Selain itu, cabaran dan masa depan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan di Malaysia turut dibahaskan dalam konteks realiti masa kini. Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan tidak boleh diterjemahkan secara berbeza mengikut perbezaan lensa kaum. Dasar bahasa ini perlu seiring pelaksanaan dan pengukuhanannya di semua jenis aliran pendidikan di Malaysia agar agenda penting penyatuan kaum dapat tercapai secara alami. Malahan peranan bahasa ini harus dihayati bersama dan bukan dijadikan agenda penghalang kemajuan negara.

Kata kunci: Bahasa Melayu, bahasa kebangsaan, sistem pendidikan, perpaduan, multi etnik, identiti, kewarganegaraan

PENGENALAN

Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan telah dimaktubkan di dalam Perkara 152 Perlembagaan Malaysia sebagai satu simbol sepanya setiap warganegara dalam memupuk nilai patriotisme. Bahasa Melayu selaku bahasa yang awal di tanah Melayu telah mengalami senario turun naik perkembangannya melalui faktor sejarah sosial masyarakat di Malaysia. Justeru, sejarah perkembangan bahasa Melayu sebelum kemerdekaan dibincangkan bagi menyedarkan masyarakat mengenai kekuatan bahasa ini yang pernah menjadi paksi keunggulan Kesultanan Melayu Melaka. Selain itu, makalah ini turut menelusuri jatuh bangunnya perkembangan bahasa ini ketika zaman pemerintahan British seterusnya diperkukuhkan kembali di ambang kemerdekaan sebagai penerapan identiti sebuah negara merdeka. Walau bagaimanapun, dengan arus globalisasi yang semakin rancam, negara mulai mengambil kira kemodenan yang berasaskan bahasa Inggeris untuk tidak ketinggalan dalam arus kemajuan sains dan teknologi. Justeru, cabaran dan masa depan bahasa Melayu ini turut dibincangkan dalam konteks realiti semasa yang berlaku di Malaysia. Perbincangan ini bagi menyedarkan masyarakat bahawa isu bahasa kebangsaan seringkali menjadi perdebatan dan percaturan sama ada dalam konteks etnisiti dan globalisasi walaupun negara telah mencapai 62 tahun usia kemerdekaan.

PERKEMBANGAN BAHASA MELAYU DALAM SISTEM PENDIDIKAN SEBELUM MERDEKA

Sejarah pemartabatan bahasa Melayu telah bermula sejak abad pertama Masihi lagi sebagai bahasa kerajaan di kepulauan Melayu (Awang Sariyan, 2006). Semenanjung Tanah Melayu sejak zaman-berzaman menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa perantara, dan mempunyai komuniti asal bahasa Melayu serta merupakan kawasan teras bahasa Melayu sejak dahulu lagi (Asmah Hj. Omar, 2008). Kemunculan Empayar Sri Wijaya sehingga tiba di kemuncaknya pada zaman Kerajaan Melaka pada abad ke-15, bahasa Melayu pernah wujud sebagai bahasa yang mempunyai pelbagai fungsi di Alam Melayu, iaitu sebagai bahasa istana, bahasa penyampaian ilmu termasuk dakwah Islamiah, bahasa diplomasi, bahasa persuratan dan terutama sekali sebagai bahasa perantaraan atau lingua franca yang digunakan secara meluas dalam urusan perdagangan (Juriah Long, 2008). Kehadiran kuasa kolonial selama lebih 400 tahun hingga awal abad ke-20 di bumi Melayu tidak mampu meminggirkan bahasa Melayu (Wan Hashim Wan Teh, 1996). Malahan, bahasa ini juga menyebarkan pengaruh nasionalisme dalam kalangan pejuang Melayu melalui media tempatan.

Namun, pemartabatan bahasa Melayu di persada kepulauan Melayu ini berlaku sehingga awal abad ke-20, manakala peminggiran bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan bahasa pentadbiran telah berlaku pada suku pertama abad ke-20. Pada suku pertama abad ke-20 ini, kolonial Inggeris telah memperkenalkan sistem pentadbiran birokrasi moden yang mengangkat bahasa Inggeris sebagai bahasa utama dalam pendidikan peringkat menengah dan tinggi. Kemudahan dan bantuan kerajaan termasuk penerbitan buku-buku teks hanya diberi kepada aliran Inggeris di peringkat sekolah menengah dan universiti. Manakala sekolah Melayu hanya setakat sekolah rendah dengan sekadar bermatlamatkan pelajarinya menjadi petani yang lebih baik daripada ibu



bapa mereka. Kerajaan British pada awalnya boleh dikatakan tidak berhasrat memajukan bidang pendidikan kerana berpendapat bahawa pendidikan, khususnya untuk kaum Melayu, tidak mendatangkan faedah sebaliknya akan menimbulkan kesedaran kepada golongan yang terdidik untuk menentang British (Sufean Hussin, 2004). Selain daripada sekolah rendah Melayu yang berbentuk formal, turut wujud sekolah pondok atau pengajian agama atas inisiatif masyarakat Melayu sendiri untuk menerapkan ilmu agama dalam kalangan anak-anak mereka dengan menggunakan bahasa tempatan, iaitu bahasa Melayu.

Pada masa yang sama, kehadiran sekolah-sekolah vernakular Cina dan Tamil yang pengajarannya berpaksikan kepada negara masing-masing telah muncul selari kemunculan imigran dari Cina dan India yang dibawa masuk oleh British dengan tujuan manfaat ekonomi mereka. Sekolah vernakular Cina diwujudkan secara orang perseorangan dan persatuan atas hasrat untuk mengekalkan warisan budaya dan bahasa mereka di tempat asing. Berbeza dengan kaum Cina, masyarakat India kurang berminat menubuhkan sendiri sekolah vernakular Tamil sebaliknya penubuhan sekolah ini diusahakan oleh pemilik ladang berbangsa Inggeris sebagai cara memujuk kaum India untuk tinggal lama di ladang. Maka, sudah semestinya bahasa pengantar di sekolah-sekolah vernakular ini menggunakan bahasa ibunda masing-masing, iaitu bahasa Mandarin dan Tamil. Ini menjadikan Semenanjung Tanah Melayu mempunyai tiga sistem pendidikan yang berbeza dari segi matlamatnya, iaitu sekolah Melayu, sekolah vernakular (Cina dan Tamil) dan sekolah Inggeris di samping sekolah agama atau pondok.

Justeru, usaha British dalam sistem pendidikan tanah Melayu hanya tertumpu kepada pendidikan aliran Inggeris dengan penerapan bahasa Inggeris, manakala sekolah yang berasaskan etnik menggunakan bahasa ibunda masing-masing sebagai bahasa pengantar. Ini menunjukkan bahawa perubahan dasar bahasa yang dilakukan oleh British ini lebih menonjol di institusi pendidikan kerana dipercayai bahawa medium pendidikan berperanan besar dalam mempengaruhi masyarakat untuk menerima budaya mereka melalui alat asas, iaitu bahasa.

Selepas Perang Dunia Kedua, British telah memperkenalkan Malayan Union pada tahun 1946 bagi memperkukuhkan lagi kedudukan mereka di Tanah Melayu. Namun, telah timbul kesedaran para nasionalis Melayu untuk memerdekakan tanah Melayu dan menentang gagasan Malayan Union. Impaknya, gagasan ini gagal dilaksanakan oleh British dan pada masa yang sama wujud kesedaran yang tinggi dalam kalangan nasionalis Melayu dan elit pentadbir British untuk membawa modenisasi secara besar-besaran dan memodenkan sistem pendidikan di Tanah Melayu.

Terbentuk Laporan Barnes (1951) untuk mewujudkan satu sistem pendidikan Kebangsaan di Tanah Melayu melalui penutupan sekolah-sekolah vernakular Cina dan Tamil. Bahasa pengantar bagi sekolah rendah kebangsaan ialah bahasa Melayu dan Inggeris manakala bagi sekolah menengah kebangsaan ialah bahasa Inggeris sahaja. Elit Melayu melihat laporan ini cuba untuk meminggirkan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar ilmu di peringkat yang lebih tinggi sebaliknya memperkukuhkan kedudukan bahasa Inggeris sekali gus memanjangkan dasar penjajahan (Juriah Long, 2008). Bagi masyarakat bukan Melayu pula, laporan ini dilihat sebagai usaha untuk menghapuskan bahasa Cina dan Tamil sebagai bahasa pendidikan serta simbol jati diri mereka (Mohd Hilmi, 1982). Penyata Fenn-Wu dikemukakan pada tahun 1951 bagi membantah laporan Barnes yang ingin menutup sekolah vernakular Cina.

Pada tahun 1955, selepas pilihanraya umum dan tertubuhnya pemerintahan sendiri, usaha lebih serius dilakukan bagi menggubal sistem pendidikan kebangsaan yang sesuai sebagai sebuah negara merdeka. Justeru, terhasilnya Penyata Razak pada tahun 1956, setelah satu Jawatankuasa Pelajaran yang dipengerusikan oleh Dato' Abdul Razak, selaku Menteri Pelajaran. Penyata ini mencadangkan bahawa bahasa Melayu sebagai mata pelajaran wajib di semua aliran dan peringkat pendidikan, penubuhan sekolah menengah aliran kebangsaan, penubuhan institut bahasa dan menjadikan bahasa Melayu sebagai kursus wajib dalam latihan perguruan dan penubuhan Dewan Bahasa & Pustaka.

PERKEMBANGAN BAHASA MELAYU DALAM SISTEM PENDIDIKAN SELEPAS MERDEKA

Pada awal kemerdekaan, iaitu pada tahun 1958, Kementerian Pelajaran telah menubuhkan kelas menengah aliran Melayu yang ditempatkan di sekolah menengah Inggeris sedia ada, terutama sekolah menengah di beberapa bandar besar. Penyata Rahman Talib (1960) yang dipengerusikan oleh Dato' Abdul Rahman Talib diwujudkan bagi menyemak semula perakuan yang terkandung di dalam Penyata Razak dan menambah syor-syor baru bagi tujuan penambahbaikan kerana Penyata Razak dianggap masih belum kemas dan tuntas untuk dijadikan sebagai satu Dasar Pendidikan Kebangsaan bagi sebuah negara merdeka yang mempunyai pelbagai etnik. Terdapat satu perubahan besar di dalam Penyata Rahman Talib yang bertujuan untuk meningkatkan taraf bahasa Melayu serta meneruskan usaha menjadikan bahasa ini sebagai bahasa pengantar utama pendidikan. Perubahan besar ini mengenai cadangan agar semua Sekolah Jenis Kebangsaan Inggeris menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Selain itu penyata ini juga mencadangkan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama di semua sekolah rendah dan menengah kebangsaan.



Syor-syor Penyata Razak (1956) dan Penyata Rahman Talib (1960) telah diperuntukkan dalam Akta Pelajaran 1961. Peruntukan akta ini yang berkaitan dengan bahasa kebangsaan ialah penggunaan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama di sekolah, bahasa kebangsaan sebagai mata pelajaran wajib di semua Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (SRJK) dan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK), serta bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama di semua sekolah menengah kebangsaan. Akta Pelajaran 1961 ini telah digantikan dengan Akta Pendidikan 1996 dan masih mengekalkan peruntukan akta yang berkaitan dengan bahasa kebangsaan.

Seterusnya, peristiwa 13 Mei 1969 telah menyedarkan kerajaan tentang kepentingan bahasa Melayu sebagai bahasa pemersatuan dan terus mengekalkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Dasar Pendidikan Kebangsaan yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar ditegaskan pelaksanaannya serta kempen-kempen penggunaan bahasa kebangsaan ini dipertingkatkan supaya rakyat lebih memahami peranan bahasa ini sebagai simbol jati diri kebangsaan seterusnya sebagai pemersatuan hubungan kaum juga bahasa kemajuan (A. Aziz Deraman, 2010). Juriah Long (2008) melihat bahawa peristiwa berdarah 13 Mei ini membawa kepada kesan positif terhadap pelaksanaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di sekolah.

Kemuncak kepada pelaksanaan Dasar Pendidikan Kebangsaan adalah pada tahun 1970 yang mana pada tahun tersebut juga, Universiti Kebangsaan Malaysia yang menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya sebagai bahasa pengantar ditubuhkan. Pada tahun 1979, Jawatankuasa Kabinet telah bersetuju untuk menjadikan kelulusan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu sebagai syarat untuk mendapat kelulusan dalam peperiksaan awam (Kementerian Pelajaran Malaysia 1979). Jawatankuasa ini turut mencadangkan supaya guru-guru bahasa Melayu, termasuk guru-guru siswazah pengkhususan Pengajian Melayu diberi latihan ikhtisas yang khusus. Pada tahun 1983 pula, bahasa Melayu dijadikan bahasa pengantar kepada semua kursus tahun pertama.

Walau bagaimanapun, setelah dua dasawarsa bahasa kebangsaan dimartabatkan, Malaysia berdepan pula dengan cabaran globalisasi yang menuntut negara untuk berdepan dengan arus kebangkitan kemajuan Barat yang membawa produk bahasa Inggeris.

CABARAN DAN MASA DEPAN BAHASA MELAYU DALAM PENDIDIKAN MALAYSIA

Pada akhir abad ke-20, Malaysia telah banyak mengalami perubahan pesat dalam hampir semua aspek kehidupan seperti sosial, politik, ekonomi dan budaya, hasil ledakan kemajuan sains dan teknologi. Ledakan kemajuan ini antaranya melalui media dan jaringan pengangkutan yang lebih mudah, menyebabkan Malaysia lebih terdedah dengan arus globalisasi yang mengangkat bahasa Inggeris sebagai bahasa global.

Oleh itu, masyarakat Malaysia mulai beranggapan bahawa untuk memudahkan proses kemajuan sains dan teknologi serta pengadaptasian kepada era globalisasi ini, pemerksaan bahasa Inggeris dianggap penting. Lantaran, mereka memahami bahasa sekadar sebagai alat perhubungan dan tidak mengaitkan bahasa dengan jati diri, maka beranggapan bahawa yang penting ialah kemajuan yang diperoleh meskipun tidak berasaskan bahasanya sendiri (Awang Sariyan, 2006).

Justeru, bermula tahun 1990-an, kerajaan Malaysia telah mengambil beberapa langkah bagi mempertingkatkan penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan rakyat sebagai respons kepada globalisasi. Langkah-langkah kerajaan antaranya membenarkan bahasa Inggeris digunakan sebagai bahasa pengantar bagi kursus sains dan teknologi di IPTA pada tahun 1993. Manakala Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) Seksyen 17(1) telah memberi kuasa kepada Menteri Pendidikan Malaysia untuk mengecualikan penggunaan bahasa kebangsaan sebagai pengantar pendidikan, turut memudah proses perubahan dasar bahasa kebangsaan ini (Hashim Musa, 2005). Akta Pendidikan Tinggi Swasta 1996 juga memberi kuasa kepada Menteri Pendidikan untuk memberi pengecualian kepada Institusi Pendidikan Tinggi Swasta tertentu untuk tidak menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama universiti. Terdapat sesetengah pengusaha pendidikan swasta yang menjadikan institusi pendidikan swasta ini sebagai satu perniagaan yang menyebabkan institusi ini membelakangi dasar bahasa kebangsaan, khususnya dari aspek pengguna bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama dan mata pelajaran wajib (Juriah Long, 2008). Jabatan Pendidikan Swasta di dalam surat edarannya KP(JPS)5181/01/02(73) bertarikh 19 Disember 2000 telah memberi pengecualian kepada pengajaran Bahasa Kebangsaan kepada pelajar warganegara Malaysia yang mengikuti kursus peringkat sijil, Diploma dan Ijazah di IPTS sekiranya pelajar-pelajar ini mempunyai kelulusan kepujian atau lulus dalam bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan principal bahasa Melayu pada peringkat Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM).



Bahkan, kini bukan hanya soal pemertabatan bahasa kebangsaan di sektor pendidikan tinggi swasta sahaja malahan lebih membimbangkan budaya pengajaran dan pembelajaran dalam bahasa Inggeris telah mendorong sesetengah pelaksana Dasar Pendidikan Kebangsaan di institusi pendidikan awam mengetepikan Dasar Pendidikan Kebangsaan dengan menjadikan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar ilmu di institusi mereka dengan alasan untuk mencapai kecemerlangan pendidikan dan menghasilkan pendidikan bertaraf dunia (UiTM TNC (Akad) 2/1, 9/2000).

Walaupun perubahan dasar bahasa ini ditentang oleh golongan nasionalis Melayu, namun ia dipertahankan oleh golongan Melayu kelas menengah dan atasan termasuk elit politik UMNO (Tan Yao Sua, 2010). Mereka lebih mementingkan nilai utilitarian dan ekonomi bahasa Inggeris daripada nilai historikal-psikologikal bahasa Melayu (Lee, 1997 dalam Tan Yao Sua, 2010).

Seterusnya perubahan yang lebih besar kepada dasar pendidikan negara berlaku pada tahun 2003 apabila kerajaan telah melaksanakan dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris (PPSMI) di sekolah-sekolah kebangsaan. Namun, dengan desakan daripada pelbagai pihak, dasar PPSMI ini telah dimansuhkan. Namun, malangnya pemansuhan ini akan dilaksanakan sepenuhnya di peringkat sekolah rendah pada tahun 2016 dan sekolah menengah pada tahun 2021. Kemudian, dasar ini telah digantikan dengan Dasar Memartabatkan Bahasa Melayu dan Memperkukuhkan Bahasa Inggeris (MBMMBI) (Utusan Online, 5 November 2011).

Bukan itu sahaja, bahkan peranan bahasa kebangsaan dilihat semakin terpinggir di institusi pengajian tinggi. Sesetengah kumpulan pendidik dan pelajar menganggap penguasaan bahasa Melayu standard (tinggi) tidak penting (Juriah Long, 2008). Manakala Institusi Pengajian Tinggi terutamanya swasta (IPTS) lebih memartabatkan bahasa Inggeris berbanding bahasa Melayu dan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) pula cenderung ke arah mendaulatkan bahasa Inggeris apabila proses Pengajaran & Pembelajaran (P&P) menggunakan bahasa Inggeris sepenuhnya tambahan pula ia dapat memudahkan graduan mencari peluang pekerjaan (Ku Hasnita Ku Samsu et al. 2011; Saadah Jaffar & Noor Aina Dani, 2011). Ini menjadikan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar ilmu akan menjatuhkan martabat bahasa kebangsaan itu sendiri dan dikhuatiri akan menyebabkan status bahasa Melayu sebagai bahasa negara rendah dan hilang keupayaannya sebagai bahasa ilmu tinggi dan moden yang sudah dibuktikan selama ini (A. Aziz Deraman, 2010).

Perubahan demi perubahan dasar kerajaan ini memperlihatkan ketirisan semangat memartabatkan bahasa kebangsaan dalam kalangan pemimpin negara. Semakin ramai masyarakat daripada kalangan pemimpin dan golongan kelas menengah serta atasan termasuk elit Melayu sendiri yang ghairah dan kagum dengan keupayaan bahasa Inggeris sehingga mengabaikan tanggungjawab dalam menjaga maruah bahasa Melayu dan menghakis kedudukan bahasa Melayu sehingga menimbulkan krisis keyakinan serta meneguhkan lagi sikap negatif masyarakat terhadap bahasa Melayu (Ismail Hussein, 1996; Jeniri Amir, 2009; Juriah Long, 2008; Nik Safiah, 2004 & 2013, 19 September; Tan Yoa Sua, 2010).

Senario ini masih berlarutan apabila kerajaan telah melaksanakan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang dilihat pelaksanaannya lebih menjurus kepada usaha-usaha pemerksaan bahasa Inggeris berbanding usaha-usaha memartabatkan bahasa kebangsaan. Oleh yang demikian, tidak mustahil pelaksanaan gelombang pertama PPPM 2013-2015 ini telah menampakkan usaha ke arah pemerksaan bahasa Inggeris yang lebih menonjol daripada usaha memartabatkan bahasa kebangsaan apabila Kementerian Pendidikan telah melaksanakan program Literasi Bahasa Inggeris di bawah LINUS 2.0, 'Oral Proficiency for Secondary Schools (OPS English)' dan Program Peningkatan Penguasaan Bahasa Inggeris Sekolah Menengah (PPPISM), berbanding hanya satu sahaja usaha bagi Program Penutur Jati. Kementerian juga telah melaksanakan inisiatif meningkatkan profesion guru Bahasa Inggeris selaras dengan 'Common European Framework of References for Languages (CEFR)' bagi memastikan kualiti Bahasa Inggeris setaraf dengan peringkat antarabangsa (Utusan Online, 29 Oktober 2015).

Gelombang kedua PPPM 2013-2025 pula melaksanakan Program Imersif Tinggi (HIP) dan Program Dwibahasa (DLP) kepada 300 sekolah perintis seluruh negara. HIP ialah satu program bagi meningkatkan kemahiran Bahasa Inggeris murid melalui peningkatan penggunaan dan penguasaan bahasa itu dalam komuniti sekolah dengan menanamkan sikap positif kepada murid terhadap pembelajaran dan penggunaan Bahasa Inggeris. manakala DLP pula ialah program pengukuhan Bahasa Inggeris di mana sekolah diberi peluang menawarkan pengajaran dan pembelajaran subjek Sains, Matematik, Teknologi Maklumat dan Komunikasi serta Reka Bentuk dan Teknologi dalam dua bahasa, sama ada Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris (Utusan Online, 29 Oktober 2015). Gelombang kedua ini juga dilihat hanya tertumpu kepada usaha-usaha pemerksaan bahasa Inggeris dan tidak menampakkan usaha-usaha kerajaan untuk memartabatkan bahasa Melayu.



PENUTUP

Tuntas, mempertingkatkan martabat bahasa kebangsaan merupakan agenda penting dalam memperkasakan tamadun Malaysia di abad ke-21. Ini kerana peranan bahasa sebagai satu simbol sepunya dapat membentuk satu identiti bangsa dari sudut bahasa yang dapat digunakan dan difahami bersama. Justeru, memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan adalah selari dengan keazaman untuk membina perpaduan antara etnik.

Selain itu, bahasa yang dimartabatkan bersama turut berperanan merapatkan jurang strata sosial dan wilayah. Satu bahasa yang dikongsi bersama dapat menggalakkan interaksi antara kelas atasan, menengah dan rendah serta penduduk bandar dan luar bandar. Interaksi ini dapat mengelakkan rasa terpinggir dek kemajuan yang mengangkat bahasa yang hanya dikuasai oleh golongan elit. Kemajuan seharusnya secara menyeluruh dengan mengambil kira ciri-ciri sepunya kerana kemajuan yang hanya mementingkan golongan elit dan meminggirkan golongan bawahan hanya bersifat sementara dan tidak kekal lama (Hashim Musa, 2012, 16 Ogos). Seharusnya, masyarakat perlu mengambil iktibar mengenai faktor kebangkitan negara Barat, China, Korea dan Jepun yang memartabatkan bahasa ibunda mereka sendiri bagi memastikan kemajuan secara menyeluruh kepada seluruh rakyatnya seterusnya memberi impak ketekalan kemajuan tamadun mereka.

RUJUKAN

- A. Aziz Deraman (2010). Wacana Peradaban Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan (2006). Warna dan Suasana: Perancangan Bahasa Melayu di Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar (2008). Ensiklopedia Bahasa Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Hashim Musa (2005). Pemerksaan Tamadun Melayu Malaysia: Menghadapi Globalisasi Barat. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Hashim Musa (2012, 16 Ogos). Bahasa dan Tamadun (Temu bual).
- Ismail Hussein (1996). Bahasa Melayu di Dunia Melayu. Dalam Asraf (Ed.), Manifesto Budaya: Pupus Bahasa, Pupuslah Bangsa (ms. 56-83). Kuala Lumpur: Persatuan Linguistik Malaysia.
- Jeniri Amir (2009). Bahasa, Negara dan Bangsa. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Juriah Long (2008). Pendidikan Bahasa Melayu: Antara Hasrat dengan Perlaksanaan. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (1979). Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Ku Hasnita Ku Samsu, Adlina Ab Halim, Lee Yok Fee, Sarvinder Kaur Sandhu & Mohd Hafiz Sulaiman (2011). Bahasa Melayu di Persada Antarabangsa: Realiti atau Fantasi. Kertas Prosiding Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu VII (SALPBM VII). Serdang: UPM.
- Mohd Hilmi Hj. Ismail (1982). Pengajaran dan Pembejajaran Bahasa Melayu di Sekolah-sekolah Rendah. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Nik Safiah Karim (2004). Bahasa Melayu Sedekad Lalu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Abdul Karim (2013, 19 September). Bahasa Kebangsaan sebagai Identiti Warga Malaysia (Temu bual).
- Saadah Jaafar & Noor Aina Dani (2011). Memperkasa Bahasa Melayu dalam Penerbitan ilmiah di Universiti Tempatan. Kertas Prosiding Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu VII (SALPBM VII) (ms. 418-423). Serdang: UPM.
- Sufean Hussin (2004). Pendidikan di Malaysia: Sejarah, Sistem dan Falsafah (Edisi kedua). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tan Yao Sua (2010). Isu Bahasa, Etnik dan Pembinaan Negara Bangsa dalam Sistem Pendidikan Malaysia. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- UiTM (2000). TNC(Akad.)2/1.2000. Pekeliling Timbalan Naib Canselor (Akademik) Bil 9/2000. 14 Julai 2000.
- Utusan Online (5 November 2011). Pemansuhan PPSMI Kekal. Diakses di http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1105&pub=Utusan_Malaysia&sec=Muka_Hadapan&pg=mh_02.htm.
- Utusan Online (29 Oktober 2015). 2 Program Baharu Tingkat B. Inggeris. Diakses di <http://m.utusan.com.my/berita/nasional/2-program-baharu-tingkat-b-inggeris-1.151914>.
- Wan Hashim Wan Teh (1996). Penggunaan Bahasa Melayu di Institusi Pengajian Tinggi: Kemajuan dan Harapan. Dalam Asraf (Ed.), Manifesto Budaya: Pupus Bahasa, Pupuslah Bangsa (ms 18-39). Kuala Lumpur: Persatuan Linguistik Malaysia.



Undi 18: Belia dan Politik Konvensional

MOHD AZMIR MOHD NIZAH¹ & SABRI MOHAMAD SHARIF²

¹Pusat Pengajian Teras & Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia

²Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawan, Universiti Teknikal Malaysia Melaka

ABSTRAK

Usaha ke arah pendemokrasian dan pilihan raya yang matang, adil serta saksama merupakan perkara yang perlu diberi tumpuan bagi memacu kemajuan pembangunan sosial dan politik seseuai dengan perubahan zaman. Di Malaysia, pilihan raya boleh dianggap sebagai kemuncak pendemokrasian. Maka Rang Undang-Undang (RUU) Perkara 119 Pindaan 2019 menjadi manifestasi misi besar proses pendemokrasian dengan menurunkan had umur kelayakan mengundi dan bertanding daripada 21 ke 18 tahun. Namun begitu, persoalan berkaitan maklumat dan data empirikal berkaitan perkara ini masih belum ditemukan. Artikel ini bertujuan melihat literatur-literatur berkaitan pengetahuan belia yang berumur 13 hingga 17 tahun terhadap konstrukonstruksi demokrasi. Ini bagi membolehkan pihak yang berwajib mengambil cakna agar demokrasi dan pilihan raya dapat dimanfaatkan oleh kumpulan yang terkesan ini. Analisa dokumen sekunder melalui kajian kepustakaan dan sorotan literatur bersistematik digunakan bagi mendapatkan maklumat. Hasil artikel diharap dapat memberi input terhadap program dan dasar pihak berkepentingan dan kerajaan terhadap Undi 18.

Kata kunci: undi; demokrasi baharu; parti politik; belia

PENGENALAN

Usaha ke arah pendemokrasian dan pilihanraya yang matang, adil serta saksama merupakan perkara yang perlu diberikan tumpuan bagi memacu kemajuan pembangunan sosial dan politik sesuai dengan perubahan zaman masa kini. Ia boleh dibuktikan dengan merujuk kepada pelbagai kajian lepas yang telah dilakukan berkaitan pilihanraya sebagai kemuncak pendemokrasian di Malaysia (Morgenbesser & Pepinsky, 2019). Namun, dengan kemajuan teknologi serta perubahan demografi yang ketara, perubahan berkaitan proses pendemokrasian yang melibatkan aktiviti konvensional menjadi lebih mencabar, terutama yang melibatkan partisipasi orang muda (Hamid & Rahman, 2018; Mohd Azmir Mohd Nizah & Afi Roshezry Abu Bakar, 2019; Norhafiza Mohd Hed & Maria T Grasso, 2019; Sloam & Henn, 2019).

16 Julai 2019 menjadi detik bersejarah dalam proses pendemokrasian warga Malaysia dengan Parlimen melalui Rang Undang-Undang (RUU) Undi 18 telah meluluskan cadangan agar warga yang berumur 18 tahun dan ke atas dibolehkan mengundi dan menjadi calon dalam pilihan raya. Ia juga merakamkan detik bersejarah apabila cadangan tersebut diluluskan sebulat suara, tanpa ada yang berkecuali. Ia kemudian diluluskan oleh Dewan Negara pada 25 Julai 2019. Tetapi masalah utama yang wujud ialah, kebanyakan kajian mendapati partisipasi orang muda dan belia dalam politik konvensional berkurangan sejak sedekad lalu (Norhafiza Mohd Hed & Maria T Grasso, 2019; Sloam, 2016; Sloam & Henn, 2019). Bukan setakat itu sahaja, banyak kajian yang dibuat di Malaysia sebenarnya hanya tertumpu kepada peringkat umur tertentu sahaja, iaitu mereka yang telah berumur 21 tahun (Norhafiza Mohd Hed & Maria T Grasso, 2019). Kajian oleh Ming, Azhar, Hazri, & Mulakala (2012) contohnya, walaupun merekodkan responden berumur 17-19 tahun, tetapi peratus mereka yang terlibat dalam kaji selidik tersebut adalah sangat sedikit berbanding jumlah responden secara total. Ini mungkin kerana, umur di bawah 18 tahun, secara logiknya tidak terlibat dalam proses pengundian pilihan raya sebelum. Ini membuktikan bahawa proses pendemokrasian juga tidak terlibat dalam had umur yang dinyatakan.

Oleh yang demikian, Rang Undang-undang (RUU) Perkara 119 Pindaan 2019 yang bertujuan menurunkan had umur kelayakan mengundi dan menjadi wakil rakyat daripada 21 tahun ke 18 tahun membawa misi besar Malaysia dalam proses pendemokrasian. Ia merupakan langkah secara konstruktif dan berinstitusi dalam melancarkan proses pendemokrasian dan pengundian di Malaysia. Namun, ketiadaan data secara empirik berkaitan kumpulan yang terkesan boleh menyebabkan langkah tersebut tidak efektif. Ini terbukti, apabila selepas kelulusan oleh Dewan Rakyat, maka timbul persoalan-persoalan berkaitan dengan pengetahuan, minat, sikap, sumber informasi serta kesedaran kumpulan yang terkesan, iaitu dalam hal ini, mereka yang



berumur 15-17 tahun. Sebagai contoh, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), iaitu badan yang bertanggungjawab dalam pengurusan pilihanraya di Malaysia tidak mempunyai akses kepada data empirik berkaitan dengan kumpulan terkesan, dan hanya merujuk kepada program atau inisiatif oleh Australian Electoral Commission (Sinar Harian, 19 Julai 2019).

Begitu juga di peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia, sebagai pihak yang bertanggungjawab terhadap kurikulum dan data pelajar, tidak mempunyai data empirik berkaitan tahap pengetahuan, minat, sikap, sumber informasi dan kesedaran pelajar. Tambahan pula, persoalan ekosistem pendidikan di Malaysia menjadi cabaran lain dalam mewujudkan kurikulum sedemikian. Hal ini dapat dibuktikan dengan cadangan SPR untuk berbincang bersama Kementerian Pendidikan Malaysia dalam pembinaan modul pendidikan mengundi (MalaysiaDateLine, 8 Ogos 2019). Ini bermakna, fokus modul tersebut adalah berkaitan dengan proses pilihanraya dan pengundian. Tetapi pembinaan modul bakal tidak efektif, kerana data berkaitan pengetahuan, minat, sikap, sumber informasi dan kesedaran tidak dapat dikenal pasti terlebih dahulu. Begitu juga dengan telahan Majlis Belia Malaysia, sebuah badan rasmi belia yang menjadi antara pihak terkesan, tentang ancaman materialisme kerana parti politik boleh memberi tawaran bersifat material demi mendapatkan undi (MalaysiaDateLine, 7 Ogos 2019) walaupun bersetuju pada dasarnya memberi kuasa mengundi kepada belia yang berumur 18 tahun.

Selain daripada itu, dengan keputusan umur undi diturunkan ke 18, pengundi baharu akan bertambah sekurang-kurangnya sebanyak 1.2 juta orang setahun. Sekiranya tiada data empirik dapat ditemukan dalam masa terdekat, dan modul yang dibina tidak memenuhi hasrat awal pindaan tersebut, maka ia bakal mengundang pelbagai situasi yang tidak diinginkan berlaku. Antara perkara yang boleh diantisipasi ialah berkenaan dengan tahap pengetahuan politik kenegaraan, yang mana antara lain topik berkaitan pilihan raya sebagai wadah demokrasi dan pemilihan bakal pemimpin negara. Selain daripada itu, soal kelayakan pengundi dikira melalui umur semata-mata atau terdapat kriteria lain yang perlu diperhalusi.

Oleh kerana itu, artikel ini akan menumpukan kepada beberapa objektif yang secara umumnya tertumpu ke arah perbincangan politik konvensional termasuklah pilihan raya, penglibatan belia dan undi 18. Artikel ini akan melihat secara literatur berkenaan politik konvensional, penglibatan belia dan undi 18. Ianya penting agar polisi undi 18 dapat diisi dengan kajian yang empirik dan tidak ketakluk kepada kepentingan parti politik semata-mata. Artikel di harap dapat membantu kerajaan dapat merangkakan strategi bersesuaian agar ianya dapat mendatangkan impak positif kepada semua pihak.

SOSIALISASI POLITIK KONVENSIONAL DAN KETERLIBATAN BELIA

Sosialisasi politik konvensional dan keterlibatan belia antara bidang kajian yang semakin menarik perhatian ahli sains politik dan pengkaji polisi sosial. Ini adalah kerana belia menjadi kumpulan besar dalam sesebuah masyarakat, dan belia menjadi ukuran demokrasi sesebuah masyarakat atau negara. Belia dilihat sebagai kumpulan dalam masyarakat yang terpenting sehingga ia dapat mencerminkan masa hadapan sesebuah masyarakat (Sharif, 2009). Politik konvensional boleh ditakrifkan sebagai sebarang aktiviti yang berbentuk norma dalam politik termasuklah berkempen, menyertai parti politik dan bertindak sebagai pengundi. Manakala politik bukan konvensional termasuklah protes, demonstrasi, kempen secara maya dan revolusi yang menjurus kepada menggugat status quo pemerintah mahupun keganasan atas nama politik. Walau bagaimanapun, definisi ini masih lagi boleh bincangkan kerana ia bergantung dengan norma sesebuah negara. Sebagai contoh, berdemonstrasi dianggap biasa di negara yang mengamalkan demokrasi terbuka dan stabil, tetapi ia bukan norma di negara yang baru terhadap sistem demokrasi dan pasca komunisme.

Oleh kerana politik konvensional berkait rapat dengan menyertai parti, berkempen serta mengundi, maka pengukuran tentang keterlibatan rakyat menjadi salah satu petunjuk terhadap sosialisasi politik. Maka, di kebanyakan negara maju, persoalan umur, kelayakan dan penglibatan rakyat mula menjadi persoalan kajian oleh penyelidik, ahli politik dan juga pembuat polisi. Secara harfiahnya, survival parti politik adalah berdasarkan keterlibatan rakyat untuk membolehkan parti mendapat mandat untuk menjadi pemerintah. Tambahan pula, golongan belia mula dilihat penting kerana komposisi dan bilangan yang besar dan banyak menjadi antara faktor keterlibatan golongan belia dianggap penting dalam kanvas politik.

Oleh kerana itu, banyak negara yang telah membuat kajian semula tentang had umur kategori belia, termasuklah Malaysia. Apabila had umur dikaji semula, maka ia secara tidak langsung juga merubah had umur bagi seseorang individu atau belia mendaftar dan layak sebagai pengundi. Maka sejak awal tahun 1990 banyak kajian berkaitan sosialisasi politik belia mula rancang di beberapa buah negara yang sistem demokrasinya stabil dan maju. Tetapi perkembangan tersebut membuktikan bahawa penglibatan remaja di dalam aktiviti politik secara terus semakin menurun, termasuklah dalam pengundian (Chang, 2012; Sloam, 2016). Ini dapat dibuktikan dengan perkembangan di beberapa buah negara yang menurunkan had umur dan bercadang



menurunkan had umur sebagai pengundi ke 16 tahun, sebagai contohnya di Austria, Australia, Scotland, Norway, German, Jepun, Nicaragua, Brazil, Malta, Amerika Syarikat, The Isle of Man, Bosnia dan United Kingdom (Azelton, Barrowman, & Reppell, 2019; Briggs, 2017a, 2017b; McAllister, 2014; Wagner, Johann, & Kritzinger, 2012) yang dilihat ke arah yang berbeza daripada yang diharapkan, yang dilakukan di peringkat nasional, negeri, daerah mahupun kawasan. Namun begitu, majoriti (90 peratus) negara didunia telah menjadikan had umur mengundi ke 18 tahun. Dalam konteks ASEAN, hanya Singapura sahaja negara yang masih mengamalkan had umur sebagai pengundi pada 21 tahun.

Dalam konteks ini, terdapat dua pandangan yang diberikan oleh sarjana dalam memperhalusi keperluan umur yang membolehkan seseorang rakyat menjadi pengundi. Dua perspektif tersebut ialah perspektif hak dan perspektif utiliti (Briggs, 2017b). Perspektif hak menilai keperluan seseorang individu dan warganegara sebagai pengundi mahupun seorang calon dalam pilihan raya kerana ia adalah hak sebagai seorang warga. Namun begitu, jika dilihat di Barat, wujud beberapa kajian yang signifikan dalam menentusahkan pendapat-pendapat yang melihat dari perspektif hak (Azelton et al., 2019; Briggs, 2017a; Kaletsky, 2011; Peter Levine, 2016). Antara isu besar ialah, adakah remaja 18 tahun atau 17 atau 16 tahun ini menggunakan hak yang diberikan sebaik mungkin? Atau adakah remaja hanya menjadi salah satu kumpulan pemberi undi partisan dalam mencorak kemenangan parti? Atau hak yang diberi hanya sebagai salah satu indeks hak asasi manusia semata-mata?. Satu lagi perspektif yang sering menjadi kerangka dalam hujah-hujah undi remaja ialah perspektif utiliti. Perspektif utiliti ialah kerangka hujah yang melihat kepada pengukuran kebaikan masyarakat berdasarkan keterlibatan dan jumlah pengundi, demokrasi dan kewarganegaraan serta pilihan raya serta keberhasilan polisi negara. Ia merupakan jalan kepada penglibatan aktif dalam demokrasi yang memerlukan penglibatan warganegara dalam membantu menentukan destini sesebuah negara, kerana soal pengurangan undi belia yang semakin merundum di seluruh dunia (Sloam & Henn, 2019). Ia juga adalah sebagai medan membolehkan jurang generasi dalam keterlibatan aktiviti politik dirapatkan, Ini adalah kerana, keterlibatan dalam aktiviti politik merupakan proksi kepada perkembangan demokrasi dan kewarganegaraan. Kerangka utiliti juga memberi faedah terhadap perkembangan polisi sosial sesebuah negara, walaupun bukan semua negara mempunyai komposisi demografi yang sama. Ini adalah antara hakikat yang boleh dilihat dalam memahami kepada Undi 18.

Selaras dengan perkembangan zaman dan teknologi semasa, banyak kajian yang dibuat mengambil kira faktor selain daripada pengundian semata-mata, dengan kempen secara maya dan keterlibatan dalam menyatakan pendirian melalui media sosial mula menjadi skop kajian pengkaji (Allcott & Gentzkow, 2017; Larsson & Moe, 2012; McMenamin, Flynn, O'Malley, & Rafter, 2013; Rishi Iyengar, 2019; Wolfsfeld, Yarchi, & Samuel-Azran, 2015). Namun, isu dasar dalam keterlibatan politik masih lagi berpaksi kepada pengundian, kerana pengundian merupakan antara asas sistem demokrasi selain daripada konsep liberal, egalitarian, deliberatif, penyertaan dan kumpulan majoriti memerintah (Coppedge et al., 2011).

Dua perkara ini, iaitu kerangka perspektif hak atau pun utiliti, serta perkembangan media baharu, ia sebenarnya merubah keseluruhan spektrum politik konvensional dan belia menjadi pemegang taruh dan pihak yang paling terkesan. Oleh yang demikian, subbidang ini sangat dinamik untuk dilihat dan diperhalusi.

SOSIALISASI POLITIK KONVENSIONAL DAN KETERLIBATAN BELIA MALAYSIA

Sosialisasi politik belia di Malaysia pula, tumpuan mula banyak diberi selepas pilihanraya ke 12 pada tahun 2008 yang lalu (Azri, 2008; Badaruddin, Othman, & Zaharim, 2008; Gill, Talib, Harun, & Rosnon, 2012; Junaidi Awang Besar et al., 2012; Mohamad Roslan Mohd Nor & Mahmud Ahmad, 2013; Muhammad Nadzri, 2009; Rashid Moten, 2009; Suhaimee Saahar, Ismail Sualman, & Mohd Adnan Hashim, 2017). Antara aspek kajian yang diujahkan ialah sentimen Melayu, sentimen ethno-nasionalisme, pengaruh media massa, keterlibatan pengundi minoriti serta peranan dan partisipatori belia.

Berdasarkan laporan Jabatan Statistik Negara pada 2018, empat puluh peratus rakyat Malaysia boleh dikategorikan sebagai belia dengan 27 peratus adalah mereka yang berumur 15 hingga 30 tahun. Namun, laporan pada 2018 mendapati 3.6 juta pengundi muda belum mendaftar sebagai pengundi. Ini sebenarnya mewakili 20 peratus daripada 14 juta orang pengundi (Nur Lela Zulkipli, 2018). Maka, kajian berkaitan keterlibatan belia semakin dinamik, termasuklah penghujahan tentang tahap penglibatan belia yang dilihat tidak konsisten (Chang, 2012; Grasso, Farrall, Gray, Hay, & Jennings, 2019; Norhafiza Mohd Hed.. & Maria T Grasso, 2019). Ada juga laporan oleh pengkaji yang melihat penglibatan belia mempunyai kaitan dengan tahap patriotisme (Ahmad Sabri, Abdul Aziz, Shafie, & Nordin, 2014), tetapi ia adalah secara persepsi atau pandangan. Begitu juga kajian lepas yang menyatakan bahawa patriotisme belia di tahap yang baik, kecuali di kawasan tengah (Hamidi Ismail, Tuan Pah Rokiah Syed Hussain, Shamsul Anuar Nasarah, Wasitah Mohd Yusoff, & Zاهرuddin Othman, 2017) yang dikategorikan sederhana berbanding kawasan lain. Dapatan ini sebenarnya memberi indikasi bahawa keterlibatan belia adalah sangat




membimbangkan kerana patriotisme belia di kawasan tengah, iaitu kawasan yang mempunyai populasi terbesar serta paling heterogen. Begitu juga dapatan yang menyaksikan aspek kefahaman, kebanggaan, sayang, kekitaan, kesetiaan dan produktiviti patriotisme adalah rendah berbanding aspek disiplin (Pah, Syed, Nasarah, & Othman, 2016).

Terdapat dua pandangan berkaitan dengan penghujahan keterlibatan belia ini. Pertama, ialah pandangan ‘apati belia’ iaitu belia secara sengaja tidak mahu melibatkan diri dalam aktiviti politik termasuklah kehidupan sivik, pengundian dan keahlian organisasi. Satu pandangan lagi ialah ‘anti-apati’, iaitu pandangan bahawa belia bukan tidak terlibat, tetapi penglibatan mereka telah berubah ke bentuk bukan konvensional (Ali Salman, Mohd Azul Mohamad Salleh, Mohammad Agus Yusoff, & Mohd Yusof Hj Abdullah, 2018; Mohd Azmir Mohd Nizah & Afi Roshezry Abu Bakar, 2019; Shan & Ahmad, 2015; Shiratuddin et al., 2016; Welsh, 2018). Tetapi, dapatan terkini memperlihatkan bahawa belia agak kurang terlibat dengan aktiviti politik konvensional serta berdaftar jika dibandingkan dengan pengundi yang lebih tua (Norhafiza Mohd Hed & Maria T Grasso, 2019). Antara dapatan menarik kajian yang dilakukan oleh Norhafiza Mohd Hed & Maria T Grasso (2019) ialah taraf pendidikan menjadi antara faktor belia tidak melibatkan diri dalam pilihan raya, menjadi ahli mahupun menyertai mana-mana NGO, tetapi belia berpendidikan universiti lebih terlibat dengan aktiviti bukan konvensional walaupun perbezaan yang tidak ketara jika dibandingkan dengan pengundi yang lebih umur daripada pengundi muda. Maka dapat disimpulkan, pengundi muda kurang terlibat dengan aktiviti politik konvensional, malah dalam konteks bukan konvensional juga memperlihatkan mereka juga tidak mempunyai perbezaan yang ketara dengan pengundi yang lebih umur. Persoalannya, dengan Undi 18, apakah arah tuju yang dinukilkan dalam memperkasa belia agar terus terlibat dengan aktiviti politik konvensional?

Berdasarkan literatur di atas, dapat difahami bahawa wujud kebimbangan berkaitan penglibatan belia terhadap aktiviti politik konvensional mahupun bukan konvensional. Kajian oleh penulis sebelum ini merujuk kepada trend, isu serta medium yang digunakan oleh pengundi belia dalam beberapa pilihan raya sebelum ini (Faizal Kasmani, Sabran, & Adzrah Ramle, 2014; Gomez, 2014; Mohd Azmir Mohd Nizah & Afi Roshezry Abu Bakar, 2019; Shan & Ahmad, 2015; Willnat, Wong, Tamam, & Aw, 2013) yang sebenarnya hanya melihat kepada alat atau sumber terhadap informasi politik. Namun, tiada kajian yang dibuat berkenaan ilmu, minat, sikap, dan kesedaran belia tentang politik konvensional dan demokrasi secara keseluruhannya. Oleh yang demikian, berdasarkan kesimpulan tersebut, penulis berpendapat wujud keperluan yang mendesak agar perkara yang diketengahkan ini mesti diberi keutamaan. Hipotesis penulis ialah ilmu berkaitan politik menyumbang kepada proses pendemokrasian, dan proses pendemokrasian menyumbang kepada pengukuhan sikap dan nilai patriotisme belia. Undi 18 memerlukan belia untuk turut serta dalam aktiviti berkempen dan membuan undi, tetapi aktiviti tersebut perlu diisi dengan ilmu mengapa dan kepentingan pengundian, bukan sekadar alat parti untuk mendapat kuasa melalui keputusan majoriti yang ‘terpedaya’.

Artikel ini mencadangkan agar satu kajian yang holistik perlu dilakukan dengan segera, agar polisi Undi 18 dapat dipenuhi hasratnya. Maka, perkara utama yang perlu dilaksanakan ialah mengetahui sejauh manakah ilmu, minat, sikap, sumber informasi dan kesedaran belia terhadap politik konvensional secara khusus dan demokrasi secara amnya. Berdasarkan kerangka cadangan oleh Besley (2014) dan diselaraskan dengan kerangka oleh Kaid, McKinney, & Tedesco, (2007), artikel ini melihat kepada keperluan cadangan kajian berdasarkan kerangka, sebagaimana Rajah 1 Kerangka Pengukuran Pendemokrasian.




Rajah 1 Kerangka Pengukuran Pendemokrasian



MODEL KAJIAN DAN METODOLOGI

Penulis telah merangka model baharu dalam memahami, mengenalpasti serta menentusahkan ilmu, minat, sikap, sumber informasi dan kesedaran belia terhadap politik konvensional. Dengan menggunakan kerangka yang diubahsuai daripada dua kajian terdahulu iaitu kerangka oleh Kaid et al., (2007) dan Besley (2014) dalam konteks ilmu, minat, sikap, sumber informasi serta kesedaran belia terhadap politik konvensional serta set soalan daripada World Value Survey Gelombang 7 yang mengandungi 36 item dalam konteks budaya dan keterlibatan politik.

Selain daripada itu, kerangka kajian juga akan menggunakan pendekatan baharu dalam mengukur demokrasi sebagaimana yang dicadangkan oleh Coppedge et al., (2011). Ini adalah penting kerana semua indeks yang wujud terdapat kekurangan dalam satu sama lain, terutamanya dalam mengukur perubahan kecil dalam kualiti demokrasi, analisa yang empirik terhadap hubungan elemen demokrasi yang pelbagai, serta penilaian keberkesanan demokrasi itu sendiri. Maka berdasarkan literatur yang ada, serta bukti sitasi yang banyak di dalam Web of Science, maka sumber daripada Freedom House Indices serta Polity2 boleh dijadikan sandaran dalam pendekatan baharu dalam mengukur demokrasi. Justeru, enam elemen, iaitu liberal, elektoral, egalitarian, deliberatif, partisipatori serta majoriti menjadi indikator penting dalam pendekatan baharu demokrasi. Model sebagaimana dalam Rajah 2 Model Baharu Demokrasi Ilm-Dem adalah cadangan oleh penulis dalam mengukur pengetahuan belia terhadap demokrasi, sekaligus mengukur keterlibatan politik konvensional belia serta bagaimana ia boleh menyumbang kepada Undi 18.




Rajah 2 Model Baharu Demokrasi Ilm-Dem

World Value Survey Gelombang 7 juga menggariskan data harus diambil secara bersemuka, dengan jawapan diambil melalui set soalan atau penggunaan aplikasi atau melalui bantuan computer. Minimum jumlah responden yang dianggap sesuai dan diterima ialah seramai 1,200 orang. Ia juga perlu mengambil kira tentang faktor demografi, seperti etnik, umur serta tahap pendidikan, maklumat geografi termasuklah saiz urban dan kawasan bukan urban juga menjadi sebahagian kriteria persampelan. Berdasarkan kehendak minimum sampel oleh Krejcie & Morgan (1970), serta penggunaan aplikasi G*Power, maka jumlah keseluruhan sampel kajian ialah 5,500 orang.

KESIMPULAN

Undi 18 telah membawa Malaysia ke satu lagi lonjakan demokrasi. Penurunan had umur sebagai pengundi dan juga calon ini mesti diisi dengan sumber demokrasi dan melalui proses pendemokrasian yang terancang, baik dan bermanfaat. Walaupun diluluskan sebulat suara tanpa bantahan di Parlimen, secara tersiratnya, terlalu banyak perkara yang perlu diberi perhatian. Antara perkara tersebut ialah sosialisasi dan keterlibatan belia dalam aktiviti politik konvensional. Banyak kajian dan laporan yang dibuat melihatkan belia tidak terlibat secara aktif secara konvensional, dan perbandingan yang dibuat terhadap pengundi yang lebih tua juga memperlihatkan belia tidak setara dalam aktiviti bukan konvensional. Masalah ini perlu diperhalusi dengan



perlu kajian terhadap ilmu, minat, sikap, sumber informasi dan kesedaran belia terhadap politik konvensional secara khusus dan demokrasi secara amnya. Adanya maklumat yang empirikal terhadap indikator-indikator ini, dapat membantu pihak berkepentingan merangka program dan pengisian terhadap Undi 18. Cadangan penulis sebagaimana yang dinyatakan adalah sangat signifikan dan merupakan keperluan yang mendesak agar niat Undi 18 dapat membawa Malaysia ke satu tahap perkembangan demokrasi yang baik dan sejahtera.

RUJUKAN

- Ahmad Sabri, A. Z. S., Abdul Aziz, A. R., Shafie, S., & Nordin, M. N. A. (2014). *Kajian Terhadap Tahap Patriotisme dalam kalangan Belia Perak*. Universiti Utara Malaysia.
- Ali Salman, ., Mohd Azul Mohamad Salleh, ., Mohammad Agus Yusoff, ., & Mohd Yusof Hj Abdullah, . (2018). Political Engagement on Social Media as Antecedent for Political Support among Voters in Malaysia. *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal*, 34(2), 152–165.
- Allcott, H., & Gentzkow, M. (2017). Social Media and Fake News in the 2016 Election. *Journal of Economic Perspectives*, 31(2), 211–236. <https://doi.org/10.1257/jep.31.2.211>
- Azelton, A., Barrowman, B., & Reppell, L. (2019). *Raising Their Voices : How effective are pro-youth laws and policies ?* Washington DC. Retrieved from <https://www.ndi.org/publications/raising-their-voices-how-effective-are-pro-youth-laws-and-policies>
- Azri, M. (2008). Pilihan raya dan tingkah laku pengundi dalam pru 2008: kajian kes di wilayah persekutuan labuan, malaysia.
- Badaruddin, S., Othman, M. R., & Zaharim, A. (2008). Educating the Masses for the Middle Path Strategy and the Political Action of the Islamic base Political Parties Post Malaysia 12 th General Election , 2008. *Recent Researches in Educational Technologies*, 15–21.
- Besley, J. C. (2014). Science and technology: Public attitudes and understanding (Chapter 7). In *Science and engineering indicators* (pp. 1–7).
- Briggs, J. (2017a). Should 16- and 17-Year Olds Be Given the Right to Vote? In *Young People and Political Participation* (pp. 109–157). London: Palgrave Macmillan UK. https://doi.org/10.1057/978-1-137-31385-0_5
- Briggs, J. (2017b). *Young People and Political Participation*. London: Palgrave Macmillan UK. <https://doi.org/10.1057/978-1-137-31385-0>
- Chang, A. C.-H. (2012). *Youth Participation in East Asia* (No. 73). Taiwan.
- Coppedge, M., Gerring, J., Altman, D., Bernhard, M., Fish, S., Hicken, A., ... Teorell, J. (2011). Conceptualizing and measuring democracy: A new approach. *Perspectives on Politics*, 9(2), 247–267. <https://doi.org/10.1017/S1537592711000880>
- Faizal Kasmani, M., Sabran, R., & Adzrah Ramle, N. (2014). Who Is Tweeting on #PRU13? *Asian Social Science*, 10(18). <https://doi.org/10.5539/ass.v10n18p144>
- Gill, S. S., Talib, A. T., Harun, M. R., & Rosnon, M. R. (2012). Penglibatan dan Pemilihan Pemimpin Politik dalam kalangan Belia Minoriti di Semenanjung Malaysia. *Malaysia Journal of Youth Studies*.
- Gomez, J. (2014). Social Media Impact on Malaysia's 13th General Election. *Asia Pacific Media Educator*, 24(1), 95–105. <https://doi.org/10.1177/1326365X14539213>
- Grasso, M. T., Farrall, S., Gray, E., Hay, C., & Jennings, W. (2019). Socialization and generational political trajectories: an age, period and cohort analysis of political participation in Britain. *Journal of Elections, Public Opinion and Parties*, 29(2), 199–221. <https://doi.org/10.1080/17457289.2018.1476359>
- Hamid, N. N. B. A., & Rahman, S. A. (2018). Impact of Social Media on Malaysia's Election Landscape. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8(9), 275–284. <https://doi.org/10.6007/IJARBS/v8-i9/4590>
- Hamidi Ismail, ., Tuan Pah Rokiah Syed Hussain, ., Shamsul Anuar Nasarah, ., Wasitah Mohd Yusoff, ., & Zaheruddin Othman, . (2017). Nilai Patriotisme Belia Malaysia. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 16(June), 87–100.
- Junaidi Awang Besar, ., Mohd Fuad Mat Jali, ., Yahaya Ibrahim, ., Abdul Halim Sidek, ., Jeniri Amir, ., Rosmadi Fauzi, ., & Novel Lyndon, . (2012). Persepsi Politik Pengundi Belia Melayu Pasca Pilihan Raya Umum (PRU) 2008 di Malaysia. *Jurnal Melayu*, (9), 191–214.
- Kaid, L. L., McKinney, M. S., & Tedesco, J. C. (2007). Introduction: Political information efficacy and young voters. *American Behavioral Scientist*, 50(9), 1093–1111. <https://doi.org/10.1177/0002764207300040>
- Kaletsky, A. (2011, April). Pensioners' Votes Should be Given to Children. *The Times*.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining Sample Size For Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*, 38, 607–610.
- Larsson, A. O., & Moe, H. (2012). Studying political microblogging: Twitter users in the 2010 Swedish election campaign.



- New Media and Society*, 14(5), 729–747. <https://doi.org/10.1177/1461444811422894>
- McAllister, I. (2014). The politics of lowering the voting age in Australia: Evaluating the evidence. *Australian Journal of Political Science*, 49(1), 68–83. <https://doi.org/10.1080/10361146.2013.868402>
- McMenamin, I., Flynn, R., O'Malley, E., & Rafter, K. (2013). Commercialism and Election Framing: A Content Analysis of Twelve Newspapers in the 2011 Irish General Election. *The International Journal of Press/Politics*, 18(2), 167–187. <https://doi.org/10.1177/1940161212468031>
- Ming, L. L., Azhar, N. A., Hazri, H., & Mulakala, A. (2012). *The Youth Factor: 2012 Survey of Malaysian Youth Opinion*. Kuala Lumpur.
- Mohamad Roslan Mohd Nor, ., & Mahmud Ahmad, . (2013). The Malay Muslim Dilemma in Malaysia after the 12th General Election. *Malaysian Journal of Democracy and Election Studies*, 1(1), 10–23.
- Mohd Azmir Mohd Nizah, ., & Afi Roshezry Abu Bakar, . (2019). WhatsApp Election in Malaysia : Assessing the Impact of Instant Messaging on Malaysia's 14 th General Election. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 9(3), 132–146. <https://doi.org/10.6007/IJARBS/v9-i3/5643>
- Morgenbesser, L., & Pepinsky, T. B. (2019). Elections as Causes of Democratization: Southeast Asia in Comparative Perspective. *Comparative Political Studies*, 52(1), 3–35. <https://doi.org/10.1177/0010414018758763>
- Muhammad Nadzri, M. N. (2009). *Politik Malaysia di Persimpangan: Praktik Politik dalam PRU 2008 dan Kontemporari*. Petaling Jaya, Selangor: Strategic Information and Research Development Centre (SIRD).
- Norhafiza Mohd Hed., & Maria T Grasso, . (2019). Age group differences in political activism in Malaysia. *Journal of Youth Studies*, 1–15. <https://doi.org/10.1080/13676261.2019.1636948>
- Nur Lela Zulkipli, .. (2018). 3.6 juta orang muda belum daftar pengundi | Nasional | Berita Harian. Retrieved October 3, 2019, from <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/02/387877/36-juta-orang-muda-belum-daftar-pengundi>
- Pah, T., Syed, R., Nasarah, S. A., & Othman, Z. (2016). Pembinaan bangsa Malaysia [1]: Kajian empirikal tahap patriotisme belia. *Geografia - Malaysian Journal of Society and Space*, 12(10), 159–170.
- Peter Levine. (2016). The Commission on Youth Voting and Civic Knowledge Youth Post-Election Survey 2012 (ICPSR 35012). Retrieved October 2, 2019, from <https://www.icpsr.umich.edu/icpsrweb/civicleads/studies/35012>
- Rashid Moten, A. (2009). 2004 and 2008 General Elections in Malaysia: Towards a Multicultural, Bi-party Political System? *Asian Journal of Political Science*, 17(2), 173–194. <https://doi.org/10.1080/02185370903077469>
- Rishi Iyengar. (2019). WhatsApp prepares for India's election, the world's biggest - CNN. Retrieved February 12, 2019, from <https://edition.cnn.com/2019/02/06/tech/whatsapp-abuse-india-elections/index.html>
- Shan, G. P., & Ahmad, N. S. Y. (2015). Pengaruh Media massa ke atas Penglibatan Politik Belia Cina. *Malaysia Journal of Youth Studies*, 163–189.
- Sharif, S. M. (2009). *Generasi Ulul Albab: Segunung Harapan Seteguh Gagasan*. Karisma.
- Shiratuddin, N., Mohd Sani, M. A., Hassan, S., Ahmad, M. K., Aboo Talib @ Khalid, K., & Ahmad, N. S. Y. (2016). Generation Y's Political Participation and Social Media in Malaysia. *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication*, 32(1), 246–262. <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2016-3201-12>
- Sloam, J. (2016). Diversity and voice: The political participation of young people in the European Union. *British Journal of Politics and International Relations*, 18(3), 521–537. <https://doi.org/10.1177/1369148116647176>
- Sloam, J., & Henn, M. (2019). Rejuvenating Politics: Young Political Participation in a Changing World. In *Youthquake 2017, Palgrave Studies in Young People and Politics* (pp. 17–42). Cham: Palgrave Pivot. <https://doi.org/10.1007/978-3-319-97469-9>
- Suhaimee Saahar, Ismail Sualman, & Mohd Adnan Hashim. (2017). An Analysis of Communication Process and Malaysian Its Role in Political Electoral. *SHS Web of Conferences*, 00054(33), 1–6. <https://doi.org/10.1051>
- Wagner, M., Johann, D., & Kritzinger, S. (2012). Voting at 16: Turnout and the quality of vote choice. *Electoral Studies*. <https://doi.org/10.1016/j.electstud.2012.01.007>
- Welsh, B. (2018). “Saviour” Politics and Malaysia's 2018 Electoral Democratic Breakthrough: Rethinking Explanatory Narratives and Implications. *Journal of Current Southeast Asian Affairs*, 37(3), 85–108. <https://doi.org/10.1177/186810341803700305>
- Willnat, L., Wong, W. J., Tamam, E., & Aw, A. (2013). Online Media and Political Participation: The Case of Malaysia. *Mass Communication and Society*, 16(May 2015), 557–585. <https://doi.org/10.1080/15205436.2012.734891>
- Wolfsfeld, G., Yarchi, M., & Samuel-Azran, T. (2015). Political information repertoires and political participation. *New Media & Society*, 18(9), 2096–2115. <https://doi.org/10.1177/1461444815580413>